

SH 23/8/2019 m/s 32

## Spesies ikan marin meningkat di perairan Terengganu

**SETIU** – Usaha kerajaan melabuhkan tukun tiruan telah berjaya meningkatkan bilangan dan kepelbagaian spesies hidupan marin khususnya ikan di perairan Terengganu.

Pengarah Perikanan Terengganu, Zawawi Ali berkata, kajian Institut Sumber Marin Asia Tenggara (ISMAT) Terengganu mendapati spesies ikan selepas 45 bulan tukun dilabuhkan di

lokasi kajian didapati bertambah daripada 15 kepada 109 spesies membabitkan 76 spesies komersial dan 33 spesies batu karang.

“Sebanyak 32 spesis ikan komersial dan 14 spesies ikan batu karang yang aktif direkodkan di tukun keluli,” katanya kepada pemberita pada Majlis Pelancaran Program Melabuh Tukun Negeri Terengganu 2019, di Perairan Setiu dekat Merang di sini semalam.

Majlis tersebut disempurnakan Exco Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa, Dr Azman Ibrahim.

Sementara itu Azman berkata, sebanyak 23 unit tukun kuboid (tukun dasar lembut) telah dilabuhkan pada tahun ini.

Kata beliau, sebanyak 12 unit tukun dilabuhkan di perairan Setiu dan selebihnya di perairan Batu Rakit, Kuala Nerus.